



*ISTANA ALAM SHAH
KLANG.*

Tarikh : 4 Januari 2023

Sahibus Saadah
Y.Bhg. Dato' Mohd Shahzihan bin Ahmad .
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
Tingkat 1, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
No.2, Persiaran Masjid, Bukit SUK,
Seksyen 5, 40676 SHAH ALAM

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

**LARANGAN PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU BAGI MENJALANKAN
PROGRAM DAN CERAMAH YANG BERUNSUR KEPENTINGAN POLITIK.**

Beta merujuk kepada tersebut di atas.

Sebagai Ketua Agama Islam di Negeri Selangor seperti mana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, Beta amat mengambil berat tentang perpaduan dan persaudaraan umat Islam agar kita sentiasa hidup di dalam suasana harmoni dan saling menghormati antara satu sama lain. Beta juga amat mementingkan usaha-usaha ke arah memelihara kesucian Agama Islam agar tidak dicemari oleh mana-mana pihak sama ada orang Islam atau bukan Islam yang mempunyai kepentingan peribadi masing-masing. Beta selalu mengingatkan dan menitahkan kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) agar Masjid dan Surau hendaklah dikekalkan sebagai zon aman dan bebas dari sebarang pengaruh dan unsur-unsur politik kepartian.

Sehubungan dengan itu, menjelang pilihanraya Negeri yang bakal diadakan di Selangor pada tahun 2023 ini, Beta mengingatkan semula agar pihak MAIS berterusan mengeluarkan arahan dari semasa ke semasa agar masyarakat Islam khususnya orang-orang politik tidak menjadikan Masjid dan Surau di Negeri Selangor ini sebagai pentas untuk mereka berceramah politik, bertazkirah atau mengambil kesempatan untuk menyelitkan fahaman politik masing-masing ketika memberi ceramah Agama atau tazkirah. Beta juga menitahkan agar jangan ada pihak yang berceramah dengan menabur fitnah serta mencaci antara satu sama lain sehingga mencetuskan persengketaan dan permusuhan antara umat Islam. Di samping itu juga budaya mendoakan keburukan dan musibah dijatuhkan terhadap sesuatu pihak perlu segera dihentikan kerana perbuatan sebegini amat ditegah ole Agama Islam.

Di samping itu pihak MAIS dan JAIS perlu mengawal daripada berlakunya penyebaran apa-apa penerbitan di Masjid dan Surau yang mengandungi fahaman dan ideologi yang boleh mendatangkan kebencian masyarakat kepada pemerintah atau mana-mana kumpulan masyarakat di Negeri Selangor. Pemasangan bendera dan logo parti-parti politik juga dilarang sama sekali di kawasan dan premis Masjid dan Surau dan Institusi kawalan MAIS dan JAIS. Beta tidak berkenaan perkara ini berlaku oleh kerana Beta bimbang ianya boleh memecahbelahkan masyarakat Islam akibat daripada perbezaan fahaman politik di kalangan masyarakat di Negara ini.

Di samping itu Beta juga tidak berkenan mana-mana pegawai atau guru-guru KAFA, penceramah bertauliah dan Institusi yang berada di bawah kawalan MAIS atau JAIS terlibat menganjurkan apa-apa program atau aktiviti yang berbentuk politik kepartian seta menyemai benih-benih kebencian di kalangan para pelajar sekolah agama dan masyarakat Islam walau di mana tempat sekalipun. Ini akan menjelaskan nama baik MAIS dan JAIS sebagai badan agama yang diamanahkan untuk memelihara kesucian Agama Islam dan memelihara perpaduan umat Islam di Negeri Selangor ini. Biarlah urusan politik diuruskan oleh orang-orang politik dan parti-parti politik sahaja. Andaikata terdapat mana-mana pihak yang melanggar titah Beta serta arahan MAIS dan JAIS maka Beta menggesa agar pihak MAIS dan JAIS mengambil tindakan tegas terhadap mereka termasuk mengambil tindakan undang-undang di mahkamah.

Beta menegaskan sekali lagi bahawa Beta mahu peranan Masjid dan Surau sebagai pusat ibadah, pusat ilmu dan pusat penyatuan ummah terus dikekalkan dan tidak sama sekali dicemari. Beta mahu umat Islam memanfaatkan Institusi Masjid dan Surau sepenuhnya bagi memakmurkan Masjid dan Surau sebagai pusat kemasyarakatan Umat Islam.

Beta mahu agar titah Beta ini diedarkan kepada setiap imam, nazir dan jawatankuasa (AJK) masjid dan surau di seluruh Negeri Selangor.

Sekian, semoga titah Beta ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

**“PERTAHAN DAN SETIA KEPADA AGAMA ISLAM”
“BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT DAN NEGARA”**



**D.Y.M.M. SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
SULTAN SELANGOR.**

s.k. Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam,
Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat 14, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam, Selangor